

Hishammuddin sedia dengar masalah sekolah Cina

8H-28/2/2007
KUALA LUMPUR: Menteri Pelajaran Datuk Seri Hishammuddin Hussein sedia bertemu kepimpinan pertubuhan kaum Cina, Dong Jiao Zhong untuk mendengar pelbagai persoalan yang ditimbulkan berkaitan isu pembangunan sekolah Cina.

Beliau setuju berbincang dengan pertubuhan itu selepas mengambil kira ia membabitkan perkara penting berkaitan bidang pendidikan negara.

"Saya bersetuju kerana ia membabitkan isu penting (isu sekolah Cina), tetapi rasanya tidak perlulah dihebahkan menerusi media.

"Memang saya jujur nak jumpa, tak perlu temujanji, tak perlu melalui akhbar pun, itu cara saya dan cara pemimpin Dong Jiao Zhong yang dulu," katanya ketika ditemui selepas Malam Gong Xi Fatt Chai Pemuda MCA di Wisma MCA di sini malam tadi.

Ketua Pemuda Barisan Nasional (BN) itu mengulas kenyataan bekas Pengerusi Dong Jiao Zhong, Quek Suan Hiang yang mahu persatuan berkaitan pendidikan Cina tempatan bekerjasama dengan Umno untuk memberi gambaran jelas kehormatan mereka berhubung isu pendidikan.

Quek berpendapat, kurangnya komunikasi pertubuhan itu dengan Umno menyebabkan timbulkan salah faham berkaitan isu berkenaan dan mencadangkan

MCA mengatur pertemuan pertubuhan itu dengan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Turut hadir pada majlis itu Timbalan Presiden MCA, Datuk Seri Chan Kong Choy; Ketua Pemuda, Datuk Liow Tiong Lai; Ketua Wanita, Datuk Dr Ng Yen Yen; dan Naib Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin.

Hishammuddin yang juga Ketua Pemuda Umno berkata, pertemuan itu akan mengupas pelbagai persoalan yang dikemukakan pertubuhan itu, selain mencari penyelesaian terbaik menanganinya.

Sementara itu, Liow menyatakan kesediaan Pemuda MCA bertindak selaku orang tengah yang akan mengatur pertemuan Dong Jiao Zhong dengan Hishammuddin.

"Pertubuhan ini beberapa kali mengemukakan pelbagai cadangan untuk memperbaiki sistem pendidikan sekolah Cina dan kali ini mereka mahu menyampaikan sendiri saranan kepada Menteri Pelajaran dan Pemuda MCA," katanya.

Beliau berkata, pertubuhan itu memberi tumpuan kepada isu pendidikan di sekolah Cina secara menyeluruh termasuk infrastruktur, guru dan sistem pembelajaran.

Terdahulu, ketika berucap Liow berterima kasih kepada Hishammuddin kerana kerjasama yang diberikan dalam menangani banyak isu berkaitan sekolah Cina.

"Kita harap, tahun ini akan lebih bermakna untuk semua dan bersama-sama Pemuda BN kita berganding bahu dengan Pemuda pertubuhan belia Tionghua memastikan pembangunan negara diteruskan," katanya.

Beliau gembira dengan kehadiran kepimpinan Pemuda parti komponen BN juga berharap keunikan, kebudayaan dan agama yang berbeza akan kekal sebagai aspek penting mengukuhkan negara.